

17/05/2003

NGO boleh bertanding jika berdaftar dengan SPR: PM

Lichong Angkui; Zulkofli Jamaludin; Nazura Ngah

KOTA KINABALU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata badan bukan kerajaan

(NGO) yang didaftarkan mengikut Akta Pertubuhan boleh bertanding pilihan raya dengan syarat mereka berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

"Terpulang kepada NGO terbabit sama ada nak bertanding dalam pilihan raya akan datang," kata Perdana Menteri mengulas kenyataan Pengerusi SPR, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman.

Menjawab soalan pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu

(LTAKK) sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang semalam, beliau berkata jika Cuepacs hendak bertanding pilihan raya, ia hendaklah berdaftar sebagai parti politik.

"Kalau individu dari Cuepacs (mahu bertanding pilihan raya), itu hak dia (berbuat demikian)," katanya.

Abdul Rashid semalam dilaporkan berkata, NGO yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan boleh bertanding dalam pilihan raya umum akan datang dengan syarat mendaftar dengan SPR.

Katanya, pemerhatian SPR mendapati ada NGO boleh ambil bahagian dalam pilihan raya berdasarkan skop perlembagaan masing-masing.

Ditanya mengenai pilihan raya negeri Sabah dan Parlimen, Dr Mahathir enggan mengulas atau memberi petunjuk bila masa sesuai untuk mengadakannya.

Beliau juga tidak memberi kepastian ketika diajukan soalan mengenai sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah yang diperkenalkan sejak 1994.

"Bagilah peluang, dia baru saja berapa hari," katanya merujuk kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Aman, yang dilantik memegang jawatan itu menerusi sistem penggiliran pada 27 Mac lalu.

Apabila diminta menghurai lanjut ucapannya pada majlis pecah tanah bangunan Umno pada sebelah petang mengenai pentingnya semua orang mengakui

hakikat putaran dalam politik, beliau berkata, nasihatnya itu merujuk kepada semua orang.

"Saya merujuk kepada semua orang. Hari ini anda menjadi calon pilihan raya, lain kali orang lain pula jadi calon. Apabila anda menjadi calon, anda mengharap orang lain menyokong anda. Maka bila orang lain jadi calon, anda mesti menyokongnya."

Di KEMAMAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, NGO hanya boleh bertanding dalam pilihan raya jika mereka meminda perlembagaan dan mendapat kelulusan daripada Pendaftar Pertubuhan.

Timbalan Perdana Menteri bagaimanapun berkata, pindaan perlembagaan semata-mata untuk membolehkan pemimpin NGO bertanding dan mengambil bahagian dalam pilihan raya adalah tidak sah walaupun ia berdaftar dengan

SPR.

"Ada pindaan yang menjelaskan perbezaan antara parti politik dan pertubuhan NGO, itu patut kita faham. NGO dan parti politik adalah dua badan yang berbeza dari segi fungsi.

"NGO adalah NGO manakala parti politik adalah parti politik," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri, di sini semalam.

Abdullah berkata, NGO dan parti politik adalah dua badan yang berbeza dari segi fungsi.

Katanya, penubuhan NGO bukan bertujuan membabitkan diri dalam pilihan raya kerana NGO dan parti politik adalah dua badan yang berbeza dari segi fungsi. dan kedua-duanya mempunyai fungsi yang berlainan.

"Saya tidak fikir wajar NGO diberi peluang untuk bertanding dalam pilihan raya. Kalau begitu, banyak juga orang akan kecewa dengan NGO, kalau mereka berjaya mereka ingat sudah berpengaruh kerana mereka memperjuangkan sesuatu," katanya.

Beliau berkata, hasrat pemimpin NGO untuk membabitkan diri dalam politik tidak akan diterima masyarakat.

Mengenai kemungkinan ada pemimpin NGO yang ingin bertanding, Abdullah berkata, pemimpin boleh berbuat demikian dengan syarat mereka harus menyertai parti politik.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai kenyataan Jabatan Negara Amerika Syarikat kemungkinan kumpulan penganas akan menyerang kepentingan rakyat Amerika di Malaysia terutama di Sabah, Abdullah berkata kenyataan itu tidak berasas.

Beliau berkata, Amerika Syarikat seolah-olah tidak memahami bahawa negara sudah mempunyai kerjasama pada peringkat mengawasi keganasan.

"Apa juga yang kita dapati yang boleh sebabkan keganasan, kita bertindak dengan cepat dan pihak berkuasa negara kita sentiasa berwaspada.

"Bagi Amerika Syarikat, untuk membuat satu kenyataan atau memberi nasihat yang mengatakan bahawa kita terancam dengan keganasan di pulau itu adalah satu kenyataan yang paling tidak tepat," katanya.